



MENELUSURI SUSUR GALUR
SYAHBANDAR
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

CETAKAN PERTAMA 2022

HAK CIPTA TERPELIHARA

TIDAK DIBENARKAN MENGELUAR ULANG MANA-MANA BAHAGIAN ARTIKEL, ILUSTRASI, DAN ISI KANDUNGAN BUKU INI DALAM APA JUA BENTUK DAN DENGAN APA JUA CARA, SAMA ADA SECARA ELEKTRONIK, FOTOKOPI, MEKANIK, RAKAMAN, ATAU CARA LAIN SEBELUM MENDAPAT IZIN BERTULIS DARIPADA JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

DATA PENGKATALOGAN-DALAM-PENERBITAN



MENELUSURI SUSUR GALUR **SYAHBANDAR** JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

PENULIS :

MOHD HISHAM MOHD NOR, FATIHAHTUL AHMAD ABDUL MUTTHALIB, ELANGKUMARAN THARMALINGAM

TERBITAN:

CAWANGAN PERHUBUNGAN AWAM,
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA,
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN,
NO.3, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2,
62596 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.

CETAKAN :

RISING FUSION SDN BHD

Nota Editor

Buku ini adalah kesinambungan edisi yang pertama dan telah diberi nafas baru dengan maklumat yang telah diperkemas bagi memberi ruang kepada pembaca untuk memahami dengan jelas peranan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sejak awal kemerdekaan hingga kini. Seperti di negara-negara lain dunia, Malaysia juga mempunyai sistem percukaian sendiri yang lebih menjurus kepada sistem ekonomi dan sosial budaya masyarakat negara ini. Ia berkembang dari semasa ke semasa sejajar dengan peredaran masa dan perkembangan ekonomi. Sehubungan dengan itu, catatan dalam buku ini memaparkan sejarah ringkas percukaian negara khususnya cukai tidak langsung yang ditadbir oleh JKDM. Sistem percukaian negara telah bermula sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka iaitu sebelum kedatangan penjajah barat ke Tanah Melayu. Pada ketika itu, jawatan yang berperanan untuk memungut cukai ialah Syahbandar yang diberi tanggungjawab untuk menguatkuasa peraturan dan undang-undang memungut cukai di pelabuhan. Semoga dengan penerbitan buku bertajuk Menelusuri Susur Galur Syahbandar Jabatan Kastam Diraja Malaysia ini akan dapat memberi manfaat kepada seluruh masyarakat dan juga generasi yang akan datang.

Hisham Nor
Ketua Editor

Nutiarra Kata

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) wajar menjadi penyampai perkhidmatan yang cepat dan berkesan kepada masyarakat khususnya para pelanggan jabatan. Kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan merupakan dasar signifikan ke arah menzahirkan janaan pungutan hasil yang unggul serta menjamin kelangsungan pertumbuhan ekonomi yang mampan. JKDM sedar bahawa masyarakat dan komuniti perniagaan amat dahagakan perkhidmatan yang pantas khususnya dalam mendepani norma baharu dan era globalisasi ini. Warga Kastam perlu menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja serba baharu melalui pemeraksanaan kemahiran teknologi digital dan komunikasi maklumat berlandaskan *Artificial Intelligence* (A.I) dan *Big Data Analytics*. Pelaksanaan program pembangunan jabatan secara holistik berpaksikan Pelan Strategik JKDM 2020-2024 menjadi teras utama pihak pengurusan dalam memacu usaha merealisasikan slogan keramat, “Berkhidmat Memakmurkan Negara”, senada dengan aspirasi pihak kerajaan. Mudah-mudahan warga JKDM sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat seterusnya berupaya menjulang imej Kastam di persada dunia.

Dato' Haji Zazuli Johan
Ketua Pengarah Kastam Malaysia



[syah.ban.dar]

Pegawai yang mengetuai pentadbiran pelabuhan atau ketua pelabuhan

[Kamus Dewan Edisi Keempat]

Intigari



“

***CUSTOMS ITSELF
IS A VERY ANCIENT
FISCAL MECHANISM
AND PERHAPS ONE OF
THE OLDEST WAYS OF
COLLECTING MONEY.***

Professor Hironori Asakura,
Author of World History of the Customs
and Tariffs





LIPATAN SEJARAH JKDM


PENTADBIRAN KASTAM SEMASA ERA KESULTANAN MELAYU MELAKA

Pada pertengahan abad ke-15, Melaka muncul sebagai pusat perdagangan antarabangsa. Perkara ini telah dinyatakan dalam buku Sejarah Melayu iaitu:

“Maka segala dagang atas angin dan bawah angin sekaliannya datang ke Melaka; terlalu ramai bandar Melaka pada zaman itu”

Sumber :
W.G. Shallebear, 1612. Sejarah Melayu.
Edisi 1961, halaman 82.

Bagi melicinkan pentadbiran kerajaan Melaka, Sultan Melaka telah mengadakan suatu sistem pentadbiran yang tersusun dan dikenali sebagai Sistem Pembesar Empat Lipatan.



SYAHBANDAR PEMANGKIN PERDAGANGAN MELAKA



Kerajaan Melaka telah mewujudkan jawatan Syahbandar bagi memastikan kegiatan perdagangan berjalan lancar.

Kecekapan dan kebijaksanaan Syahbandar sebagai pengurus Pelabuhan dapat melicinkan urusan perdagangan.



Berlandaskan **UNDANG-UNDANG LAUT MELAKA** bagi memastikan aktiviti perdagangan berjalan lancar dan adil.

Mengandungi 24 fasal meliputi tata tertib berniaga, cara berjual beli serta hukum-hukum jenayah yang berlaku di kapal.

Setiap **SYAHBANDAR** Ditugaskan Menjaga Kumpulan Pedagang Yang Telah Ditetapkan

- **SYAHBANDAR I** - Mengurus pedagang dari Gujerat
- **SYAHBANDAR II** - Mengurus pedagang dari China, Champa dan Ryukyu
- **SYAHBANDAR III** - Mengurus pedagang dari Kalingga, Pegu, Benggala dan Parsi
- **SYAHBANDAR IV** - Mengurus pedagang dari Pulau Jawa, Maluku, Banda, Kalimantan, Borneo, Pasai dan Filipina

Tugas-Tugas **SYAHBANDAR**

- Menguruskan pasar dan gudang.
- Menjaga kebajikan dan keselamatan pedagang.
- Memeriksa alat timbang dan sukat serta mata wang.
- Menjadi hakim di pelabuhan.
- Menguatkuasakan peraturan keluar masuk kapal.
- Menguruskan cukai.
- Menyediakan kapal, perahu, jong, lancar, gajah dan pekerja untuk mengangkut barangan ke gudang.





PERDAGANGAN DI MELAKA



Sistem Cukai Dan Surat Kebenaran Berniaga

- Cukai berpatutan dikenakan.
- Pedagang perlu membayar “Panduan” (cukai rasmi) sebelum berjual beli.
- Kadar berbeza mengikut tempat asal pedagang dan sistem ini dinamakan sebagai Sistem Cukai Berkeutamaan:
 - » 6% bagi pedagang dari Barat seperti Tanah Arab, Siam dan India.
 - » 3% bagi pedagang yang tinggal tetap di Melaka.
 - » Pedagang China dan Jepun tidak perlu membayar cukai. Dikehendaki memberi hadiah kepada Sultan, Temenggung atau Syahbandar.



Penggunaan Sistem Mata Wang

- Mata wang logam yang dibuat daripada timah (Calains) dan wang emas digunakan dalam urusan jual beli.
- Membolehkan urusan perdagangan berjalan lancar.
- Menggalakkan pedagang berdagang di Melaka pada masa tersebut.



Pelabuhan Entrepot

- Melaka sebagai Pelabuhan Entrepot.
- Pusat pengumpulan barangan dari Kepulauan Melayu.
- Pusat pengedaran barangan dari Timur dan Barat ke Kepulauan Melayu.

PENTADBIRAN KASTAM SEMASA ERA PENTADBIRAN BRITISH DI NEGERI-NEGERI SELAT

Tahun | hingga
1826 | 1948

- Selepas kedatangan British dan penubuhan Negeri-Negeri Selat pada tahun 1826, pentadbiran cukai ditadbir oleh seorang Gabenor dan sebuah Majlis Jeneral di Calcutta, India yang dikawal oleh *Board of Control*, Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI).
- Namun beberapa struktur dan amalan percukaian yang telah digunakan oleh Pembesar Melayu sebelum ini masih dikekalkan seperti sistem *Tax Farming* iaitu satu bentuk percukaian dengan memajak kuasa memungut cukai kepada pemajak yang paling tinggi dengan dikenakan lesen kepada pemajak.
- Cara ini dapat melicinkan proses pungutan cukai eksais.

- Semua aktiviti perkastaman dikendalikan oleh *Government Monopolies*.
- Bertanggungjawab untuk meluluskan lesen import dan lesen memproses dan menjual candu, tembakau, dan arak.
- Duti eksais dikenakan ke atas dagangan seperti samsu, todi dan candu buatan tempatan.

- *H.M. Customs and Excise* ditubuhkan pada tahun 1937 bagi menggantikan *Government Monopolies* bagi mengendalikan fungsi kastam dan eksais sehingga tahun 1948.

PENTADBIRAN KASTAM DI NEGERI-NEGERI MELAYU YANG BERSEKUTU SEMASA ERA PENTADBIRAN BRITISH

Tahun | hingga
1907 | 1938

1 Negeri-negeri terlibat:

- Perak
- Selangor
- Negeri Sembilan
- Pahang

2 Cukai dipungut di bawah undang-undang yang dinamakan Cukai-cukai Kastam atau *Customs Duties*.

- 3
- Melibatkan pemungutan Cukai Eksport atas hasil pertanian, ikan kering, kulit-kulit binatang, timah dan biji timah.
 - Cukai bagi timah dan biji timah dipungut di Pahang.
 - Cukai Import Candu dikutip di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan.

- 4
- Jawatan Inspektor Perdagangan dan Kastam atau *Inspector of Trade and Customs* diwujudkan pada awal Januari 1907 bagi mengawal dan menyelaraskan hal ehwal berkaitan perkastaman dan perdagangan.
 - *The Customs Regulation Enactment* 1907 telah dikuatkuasakan dan jawatan digantikan dengan Pesuruhjaya Perdagangan Kastam atau *Commissioner of Trade and Customs*.

5 April 1908, peringkat permulaan penubuhan *Customs Union* bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dilancarkan.

- 6
- Pada tahun 1920, *Customs Enactment* telah diluluskan.
 - Menyatukan semua pejabat Kastam Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
 - Dikawal oleh Pesuruhjaya Perdagangan dan Kastam.

7 Pada tahun 1938, gelaran Pesuruhjaya Perdagangan dan Kastam digantikan dengan *Comptroller of Customs and Excise*.

PENYATUAN PENTADBIRAN JABATAN KASTAM NEGERI-NEGERI MELAYU DAN NEGERI-NEGERI SELAT

Pentadbiran Jabatan Kastam di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (Pahang, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan), Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Johor) dan Negeri-negeri Selat (Melaka dan Pulau Pinang) mula disatukan semasa Pentadbiran Tentera Inggeris atau *British Military Administration, Malayan Union* dan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Tahun 1948 hingga 1956




KESATUAN KASTAM BAGI SELURUH TANAH MELAYU 1948

Mengikut Ordinan Kastam 1952, Jabatan Kastam diletakkan di bawah penguasaan Pesuruhjaya Tinggi bagi Tanah Melayu dan diketuai oleh *Comptroller of Customs and Excise*.

Kawasan Utama Kastam meliputi seluruh Semenanjung Tanah Melayu kecuali Pulau Pinang yang mengekalkan tarafnya sebagai Pelabuhan Bebas.

Pusat Latihan Kastam telah ditubuhkan pada tahun 1956 di Bukit Baru, Melaka.

Tahun 1957 hingga 1963



JABATAN KASTAM DAN EKSAIS SABAH

Tahun 1883 hingga 1958



JABATAN KASTAM DAN EKSAIS SARAWAK

1

Diketuai oleh seorang Pesuruhjaya Perniagaan dan Kastam dan ibu pejabat di Kuching. Pesuruhjaya dibantu oleh seorang Timbalan Pesuruhjaya, dua (2) Pegawai Kanan Pengelola dan beberapa Pengelola dan Penolong Pengelola bertempat di lima (5) bahagian dalam Sarawak.

2

Pegawai-pegawai Kastam di Sarawak juga mengendalikan kerja-kerja bagi pihak beberapa Jabatan lain selain menjalankan tanggungjawab sebagai Pegawai Pelabuhan.

4

Cukai Eksais dipungut daripada kilang-kilang arak, minyak, rokok dan mancis.

3

Cukai Import dipungut atas pelbagai jenis barangan dan Cukai Eksport dipungut atas barangan keluaran negeri tersebut seperti getah, lada, kayu balak, bauksit, sagu dan lain-lain jenis tumbuhan.

PENGURNIAAN GELARAN DIRAJA KEPADA JABATAN KASTAM DAN EKSAIS

29
Oktober 1963

Upacara pengurniaan gelaran Diraja telah disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong III, Tuanku Syed Putra Al-Haj Ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail dengan penyampaian gencana kepada Encik Abdul Rahman bin Ariffin, Pengarah Kastam dan Eksais Malaysia dan disaksikan oleh Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong serta Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak Hussein, Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Isteri, Tun Rahah Noah.



Tujuan pengurniaan gelaran Diraja kepada Jabatan Kastam adalah sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada perutusannya dalam buku cenderamata bersempena hari bersejarah tersebut.

“

**Kemajuan
atau
kemunduran
sesebuah
negeri**

itu bergantung di atas hasil-hasil yang terdapat di dalam negeri itu. Pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia telah menjalankan tugasnya dengan sempurna untuk memungut dan menjaga hasil-hasil kerajaan yang didapati daripada Kastam dan Eksais yang berjumlah lebih daripada lima puluh peratus jumlah hasil yang dipungut oleh Kerajaan Persekutuan pada tiap-tiap tahun.

”

“

**Maka dengan
lahirnya
Malaysia,**

kerja-kerja dan tanggungan pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais akan berganda-ganda lagi. Saya cukup yakin yang pegawai-pegawai itu akan terus meneruskan menjalankan tugas-tugas mereka dengan sempurna.

Dari itu, saya rasa sangatlah munasabah yang Jabatan Kastam dan Eksais Malaysia itu dianugerahkan dengan gelaran Kastam dan Eksais Diraja.

”

PENGANUGERAHAN GELARAN DIRAJA

Upacara pengurniaan gelaran DIRAJA yang beristiadat telah dilakukan di Dewan Tuanku Abdul Rahman pada 29.10.1963 oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong iaitu dengan penyampaian Gencana kepada Pengarah Kastam dan Eksais Malaysia, Yang Berbahagia Encik Abdul Rahman bin Ariffin.

Kemajuan dan kemunduran sesebuah negara itu bergantung di atas hasil-hasil yang terdapat di dalam negeri itu. Pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia telah menjalankan tugasnya dengan sempurna untuk memungut dan menjaga hasil-hasil kerajaan yang didapati daripada kastam dan eksais yang berjumlah lebih daripada 50% jumlah hasil yang dipungut oleh Kerajaan Persekutuan pada setiap tahun.

Maka dengan lahirnya Malaysia, kerja-kerja dan tanggungjawab pegawai-pegawai dan kakitangan Kastam akan berganda lagi. Saya cukup yakin yang pegawai-pegawai itu akan terus menjalankan tugas mereka dengan sempurna. Dari itu saya rasa sangatlah munasabah Jabatan Kastam dan Eksais Malaysia dianugerahkan gelaran 'KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA'.

– Petikan keputusan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra.

JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA MALAYSIA

Tahun | hingga
1972 | 1975

- Tahun 1972, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia telah disusun semula dari segi pentadbiran.
- Ini berikutan laporan seorang pakar daripada *International Monetary Fund (IMF)*.
- Bermula awal Ogos 1972, jawatan Timbalan Ketua Pengarah Kastam dan Penolong Kanan Pengarah Kastam diwujudkan bagi membantu Ketua Pengarah Kastam Malaysia dari segi urusan pelaksanaan.
- Jawatan Pengarah Kastam diwujudkan bagi setiap kawasan iaitu Utara, Tengah dan Selatan.
- Jawatan Pengarah Kastam Bahagian Cukai Jualan dan Eksais diwujudkan di peringkat Ibu Pejabat.





Perundangan Baru



Akta Cukai Jualan 1972
(29 Februari 1972)

Akta 64 Undang-undang Malaysia

Kutipan Cukai Jualan tahun 1972 oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja adalah sebanyak RM95.13 juta.



Akta Cukai Perkhidmatan 1975
(30 Januari 1975)

Akta 151 Undang-undang Malaysia


Pengenaan Cukai Perkhidmatan oleh tempat-tempat perniagaan yang ditetapkan seperti hotel, restoran, *coffee house*, kelab malam dan lain-lain.

Punca-punca kutipan hasil lain: Import, Eksport dan Eksais.

“

**MARILAH KITA
MENERAPKAN
BUDAYA KERJA
BERPRESTASI TINGGI
BAGI MEMASTIKAN
KECEMERLANGAN
YANG BERTERUSAN.**

Dato' Haji Zazuli bin Johan,
Ketua Pengarah Kastam Malaysia





PROFIL JKDM

BENDERA & JALUR KORPORAT



JALUR KORPORAT



- Terdapat daripada warna kuning dan biru mengikut warna rasmi Jabatan Kastam Diraja Malaysia.
- Jalur korporat mendatar disusun dengan cara jalur kuning sentiasa berada di atas jalur biru.
- Jalur korporat menegak disusun dengan cara jalur kuning sentiasa berada di sebelah kiri jalur biru.



WARNA KUNING, BIRU DAN PUTIH

Warna rasmi Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang melambangkan taraf diraja




HARIMAU

Melambangkan ketegasan, kecekalan dan keberanian



BULAN BINTANG

Melambangkan kedaulatan negara.




BULATAN KUNING DI TENGAH

Melambangkan fokus utama untuk memungut cukai dalam usaha menambah hasil negara serta mengamalkan ciri-ciri pengurusan yang berkualiti.


BULATAN BERWARNA BIRU

Melambangkan penambahbaikan yang berterusan dengan membudayakan pengurusan berkualiti secara menyeluruh.




BULATAN PUTIH YANG DIBAHAGI DUA MENGENALINGI BULATAN KUNING

Melambangkan Visi Jabatan Kastam Diraja Malaysia



DUA PETUNJUK ARAH DI BAHAGIAN ATAS DAN BAWAH SEGITIGA

Melambangkan hala tuju yang strategik dalam usaha memungut hasil, mengawal serta memelihara kepentingan negara



SEGITIGA TEPAT

Melambangkan keupayaan menangani perubahan dan pembaharuan serta memelihara keutuhan Jabatan





VISI

KASTAM PENERAJU
KEMAKMURAN NEGARA

MISI



MEMUNGUT HASIL NEGARA,
MEMBERI FASILITASI PERDAGANGAN
DAN MENGUATKUASAKAN UNDANG-
UNDANG DEMI KEMAKMURAN
NEGARA



SLOGAN

BERKHIDMAT MEMAKMURKAN
NEGARA

A MANAH

B ERKHIDMAT

I KHLAS

D EDIKASI

ETIKA PERKHIDMATAN



- ▶ Sentiasa AMANAH dalam memberi khidmat kepada masyarakat, jabatan dan negara. Teras utama adalah sifat bertanggungjawab dan berintegriti.
- ▶ Bersedia memberi khidmat berdasarkan penghayatan nilai-nilai murni dalam segala tindakan dan urusan serta sentiasa berusaha menghindari sikap dan perilaku negatif.
- ▶ AMANAH dalam menegakkan kebenaran, tegas dalam menguatkuasakan perundangan jabatan dan adil dalam membuat keputusan.



- ▶ Sentiasa IKHLAS dalam memberi perkhidmatan dan saling membantu demi menjayakan hasrat jabatan.
- ▶ Sedia memberi dan menerima teguran yang baik serta mengakui kelemahan yang ada di samping berusaha untuk mengatasinya.
- ▶ Berkhidmat dengan IKHLAS kepada agama, bangsa dan negara serta berbangga atas tanggungjawab yang telah diamanahkan.



- ▶ DEDIKASI dalam memberi perkhidmatan ke arah melaksanakan tugas dan tanggungjawab.
- ▶ Sentiasa berusaha ke arah perubahan yang baik demi kepentingan kerjaya dan perkhidmatan.
- ▶ Membudayakan sifat kepimpinan melalui teladan dan memupuk semangat kekitaan (*esprit de corps*) dalam kalangan warga jabatan.





I.

INTEGRITI
INTEGRITY



Integriti bermaksud kejujuran, ketelusan dan kesempurnaan. *Integrity* ialah teras kepada elemen *Speed, Professional, Effective, Efficient* dan *Dynamic*. Pengurusan JKDM pada setiap masa memastikan perkhidmatan kastam dihasilkan secara berintegriti, amanah, jujur, bertingkahtlaku mulia, beretika, boleh dipercayai serta memelihara kepentingan awam dan bukannya untuk kepentingan diri sendiri.

Pantas bermaksud tangkas, cepat, laju, lekas, cergas atau segera. Pengurusan JKDM mengutamakan perkhidmatan Kastam disampaikan secara pantas dan lebih cepat daripada masa yang dijadualkan kerana masa adalah sangat berharga. Semakin pantas warga Kastam menyempurnakan tugas maka semakin cekap perkhidmatan JKDM.



S.
PANTAS
SPEED

P.

PROFESIONAL
PROFESSIONAL



Profesional bermaksud mempunyai kemampuan atau kemahiran khusus untuk melaksanakan tugas tertentu. Pengurusan JKDM mementingkan output perkhidmatan yang dihasilkan oleh warga yang berkemahiran, berpengetahuan dan berkeupayaan dalam tugas yang dilakukannya melalui pematuhan undang-undang, peraturan, perintah, pekeliling dan undang-undang yang berkaitan. Sikap profesional memberikan kepuasan kepada pelanggan, pemegang taruh, rakyat dan komuniti antarabangsa.

E. CEKAP EFFICIENT



Cekap bermaksud mahir, berwibawa, berketerampilan atau bijaksana dalam melaksanakan tugas dan menyelesaikan masalah yang dihadapi. Pengurusan JKDM mengutamakan output perkhidmatan Kastam dihasilkan melalui pengendalian sumber secara bijaksana serta dapat mencapai sesuatu tujuan.

Berkesan bermaksud menimbulkan hasil seperti yang diharapkan. Pengurusan JKDM memastikan output perkhidmatan Kastam berupaya memberikan kesan kebaikan dan impak berfaedah kepada semua pihak dalam JKDM, pelanggan, pemegang taruh dan rakyat secara menyeluruh.

E. BERKESAN EFFECTIVE



D. DINAMIK DYNAMIC




Dinamik bermaksud bersifat cergas, bertenaga dan mampu membuat penyesuaian serta menerbitkan pembaharuan dan kemajuan. pengurusan JKDM bersifat dinamik serta membolehkan pelanggan termasuk organisasi mereka berdaya maju dan mampu bersaing di peringkat global. Output perkhidmatan Kastam dihasilkan melalui proses kerja yang bertambah baik secara berterusan selaras dengan keperluan semasa semua pihak.

Memungut Hasil Negara



1. Duti Import
2. Duti Eksport
3. Duti Eksais
4. Cukai Jualan
5. Cukai Perkhidmatan
6. Levi Keuntungan Luar Biasa
7. Levi Pelepasan
8. Levi Kenderaan
9. Hasil Bukan Cukai
10. Hasil Negeri / Wang Amanah
11. Cukai Pelancongan

Memberi Fasilitas Kepada Sektor Perdagangan dan Perindustrian



1. Fasilitas perkastaman selari dengan dasar semasa kerajaan
2. Kemudahan pengecualian cukai kepada pengimport
3. Pengecualian cukai terhadap bahan mentah dan mesin pengilang
4. Kemudahan bayaran balik duti / cukai dan tuntutan pulang balik duti / cukai
5. Kemudahan pelepasan dagangan import, eksport dan pelepasan penumpang

Menguatkuasakan Undang-undang




1. Menguatkuasakan akta-akta dan perundangan subsidiari

**Kastam Diraja Malaysia Tetap Berjaya
Pungut Hasil Negara
Penyeludupan Kita Basmikan
Agar Terkawal Hasil Berjuta-Juta
Kakitangan Bertugas
Penuh Minat Serta Penuh Ketabahan
Marilah Kita Bersama-Sama
Memelihara Setiap Masa
Nama Jabatan Kita Megahkan
Amanah Suci Kita Amali
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Berjasa Pada Nusa
Bergiatlah Kita Teguhlah Negara**



CARTA ORGANISASI



TIMBALAN
KETUA PENGARAH KASTAM
(PENGURUSAN)
PTD (JUSA B)

PENGARAH
BAHAGIAN KHIDMAT
PENGURUSAN DAN SUMBER
MANUSIA
PTD (JUSA C)

PENGARAH
BAHAGIAN TEKNOLOGI
MAKLUMAT
PTM (JUSA C)

PENGARAH
BAHAGIAN PERANCANGAN
KORPORAT
PK (JUSA C)

PENGARAH
AKADEMI KASTAM DIRAJA
MALAYSIA
(AKMAL)
PK (JUSA C)

PENGARAH
BAHAGIAN
PERUNDANGAN
PUJ (JUSA C)

TIMBALAN PENGARAH
CAWANGAN KHIDMAT
PENGURUSAN
PTD (M54)

TIMBALAN PENGARAH
CAWANGAN PERKHIDMATAN
DAN LATIHAN
PTD (M54)

TIMBALAN PENGARAH
KASTAM
CAWANGAN APLIKASI
PK (WK54)

TIMBALAN PENGARAH
KASTAM
CAWANGAN HAL EHWAL
ANTARABANGSA
PK (WK54)

TIMBALAN PENGARAH
KASTAM
(AKMAL)
PK (WK54)

TIMBALAN PENGARAH
CAWANGAN INTEGRITI
PS (P54)

CAWANGAN
PERKHIDMATAN AM
(JAWATAN KUMPULAN)
WK54/48/44/41/36/32/29/
28/26/22/19

TIMBALAN PENGARAH
CAWANGAN LOGISTIK
TERBUKA (54)

TIMBALAN PENGARAH
CAWANGAN INFRASTRUKTUR
DAN RANGKAIAN
PTM (F54)

TIMBALAN PENGARAH
KASTAM
CAWANGAN PERANCANGAN
STRATEGIK
PK (WK54)

PENOLONG KANAN
PENGARAH KASTAM I
CAWANGAN KONSULTASI DAN
KHIDMAT PELANGGAN/PUSAT
PANGGILAN PK (WK52)

TIMBALAN PENGARAH
CAWANGAN PENGURUSAN
KEWANGAN
PTD (M54)

TIMBALAN PENGARAH
CAWANGAN PENGURUSAN
PEROLEHAN
PTD (M54)

PENOLONG KANAN
PENGARAH KASTAM II
CAWANGAN PEMATUHAN DAN
PEMANTAUAN/PENTADBIRAN
WK (WK48)

PENOLONG KANAN
PENGARAH KASTAM I
CAWANGAN PERHUBUNGAN
AWAM
PK (WK52)

PENOLONG KANAN
PENGARAH KASTAM II
CAWANGAN KEURUSETIAAN
DAN PENYELARASAN
PK (WK48)

KETUA AKAUNTAN
CAWANGAN AKAUN
AKTN (W54)

PENOLONG KETUA PENGARAH
KASTAM ZON TENGAH
(WP KUALA LUMPUR)
PK (JUSA B)

PENGARAH KASTAM NEGERI
KEDAH
PK (JUSA C)

PENGARAH KASTAM NEGERI
MELAKA
PK (JUSA C)

PENOLONG KETUA
PENGARAH KASTAM
ZON SABAH
PK (JUSA B/C)

PENGARAH KASTAM NEGERI
SARAWAK
PK (JUSA C)

PENGARAH KASTAM NEGERI
TERENGGANU
PK (WK54)

PENGARAH OPERASI
(PEMATUHAN)
UNIT I (WP KUALA LUMPUR)
PK (JUSA C)

PENGARAH OPERASI
(PERKASTAMAN/
PERKHIDMATAN TEKNIK)
UNIT II (SELANGOR)
PK (JUSA C)

PENGARAH KASTAM NEGERI
PULAU PINANG
PK (JUSA C)

PENGARAH KASTAM NEGERI
KELANTAN
PK (JUSA C)

PENGARAH KASTAM
WILAYAH PERSEKUTUAN
LABUAN
PK (WK54)

PENGARAH KASTAM NEGERI
PERLIS
PK (JUSA C/WK54)

PENGARAH KASTAM NEGERI
PAHANG
PK (WK54)

PENGARAH OPERASI
(PENGUATKUASAAN)
UNIT III (LTA KUALA LUMPUR)
PK (JUSA C)

PENGARAH OPERASI
(CUKAI DALAM NEGERI)
UNIT IV (PUTRAJAYA)
PK (JUSA C)

PENGARAH KASTAM NEGERI
PERAK
PK (JUSA C)

PENGARAH KASTAM NEGERI
JOHOR
PK (JUSA C)

PENGARAH KASTAM NEGERI
NEGERI SEMBILAN
PK (WK54)

PEMUNGUT CUKAI KASTAM
PERSEKUTUAN
PCKP SINGAPURA (PCKP)
PK (WK44)

PENOLONG KANAN
PENGARAH KASTAM I (PSM)
UNIT I (WP KUALA LUMPUR)
PK (WK52)

“

***CUSTOMS WORKING
WITH OTHER BORDER
AGENCIES, PLAYS
A PIVOTAL ROLE
IN FACILITATING
TRADE AND TRAVEL,
THROUGH SIMPLIFIED,
STANDARDIZED AND
HARMONIZED BORDER
PROCEDURES, AND IN
SECURING BORDERS.***

Mr. Kunio Mikuriya,
Secretary General of World Customs
Organization





RANGKUMAN BAHAGIAN JKDM



AKADEMI KASTAM DIRAJA MALAYSIA (AKMAL)

*D*itubuhkan pada tahun 1956 di Bukit Baru, Melaka, Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL) merupakan sebuah organisasi yang berada di bawah sektor pengurusan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang ditadbir oleh Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan), serta dibantu oleh seorang Pengarah Kastam. Pada peringkat awal, AKMAL dikenali sebagai Pusat Latihan Kastam Persekutuan sehinggalah pada tahun 1957, ia telah ditukar nama kepada Sekolah Latihan Kastam Persekutuan yang memainkan peranan untuk mengendalikan kursus-kursus bercorak ulangkaji kepada para Pegawai Kastam. Dalam tahun 1960, fungsi Sekolah Latihan Kastam Persekutuan ini telah diperluas dengan menganjurkan latihan kepada Penolong Penguasa Kastam. Pada tahun 1963, dengan penganugerahan gelaran Diraja oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, nama AKMAL telah sekali lagi ditukar kepada Maktab Latihan Kastam Diraja Malaysia dan seterusnya pada tahun 1987, ia menjadi Maktab Kastam Diraja Malaysia seiring dengan peranannya yang semakin signifikan.



Semenjak dari itu, bangunan pejabat, asrama dan bilik kuliah telah ditambah baik. Kemudahan-kemudahan bagi tujuan latihan termasuklah dewan, surau, gelanggang permainan, gimnasium, perpustakaan dan kolam renang turut dibangunkan. Pada bulan Oktober 1989, Maktab Kastam Diraja Malaysia telah dinaik taraf sebagai Akademi Kastam Diraja Malaysia selaras dengan perkembangan dan kemampuannya sebagai sebuah akademi. Projek Pembesaran AKMAL juga telah dimulakan pada tahun 1990 yang melibatkan pembinaan pejabat tambahan, dewan syarahan, auditorium, stadium, dan makmal yang berkaitan. Projek-projek ini telah disiapkan pada tahun 1991 dan dirasmikan pada tahun 1993.





Dengan pembesaran AKMAL, variasi kursus yang melibatkan operasi dan perkhidmatan JKDM berupaya dilaksanakan bukan sahaja kepada warga jabatan, malah untuk agensi-agensi lain termasuklah Pertubuhan Kastam Sedunia (WCO) yang turut mengiktiraf AKMAL sebagai *Regional Training Centre* (RTC) bagi rantau Asia Pasifik. Sebagai pusat latihan yang berintegriti, AKMAL sentiasa komited dalam menawarkan kursus berkualiti kepada segenap warga jabatan. Latihan dan kursus yang ditawarkan tidak hanya terbatas untuk melengkapkan warga JKDM dengan pengetahuan dan kemahiran, tetapi turut melibatkan tiga elemen utama iaitu mental, fizikal dan kerohanian. Selain kampus utama di Bukit Baru, Melaka, AKMAL mempunyai lima cawangan lain di seantero tanah air iaitu; AKMAL Wilayah Sabah di Menggatal, AKMAL Wilayah Sarawak di Kuching, AKMAL Wilayah Langkawi di Bukit Malut, AKMAL Wilayah Selatan di Tanjung Surat dan AKMAL Wilayah Timur di Rantau Panjang.



BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT

Sebagai sektor yang bertanggungjawab memperkasa imej dan halatuju jabatan, Bahagian Perancangan Korporat merupakan antara bahagian yang penting dalam memacu kelancaran operasi dan perkhidmatan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Bahagian ini telah ditempatkan di bawah seliaan Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan) dan dibantu oleh seorang Pengarah Kastam. Bertindak merancang dan melaksanakan Pelan Strategik serta Perancangan Tahunan, Bahagian Perancangan Korporat JKDM turut terlibat dalam membuat kajian semula ke atas semua aspek perundangan, percukaian dan sistem pengurusan jabatan. Mereka juga bertanggungjawab merancang, melaksana dan membuat penilaian menggunakan sistem pengukuran organisasi melalui Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicator* (KPI).







Disamping itu, Bahagian Perancangan Korporat juga terbabit dalam menyelaraskan pelaksanaan program pengurusan kualiti jabatan serta pelaksanaan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam yang berkaitan dengannya. Bahagian ini perlu memastikan penglibatan langsung dan aktif jabatan dalam forum antarabangsa yang meliputi penyertaan dalam mesyuarat, seminar, bengkel, forum dan program kerjasama latihan serta menjadi negara penyelaraskan dalam beberapa bidang kerjasama perkastaman baik di peringkat serantau mahupun antarabangsa. Selain itu, mereka juga bertanggungjawab dalam memberi pandangan, nasihat dan ulasan kepada lain-lain kementerian dan agensi kerajaan terhadap isu-isu kerjasama ekonomi dan perdagangan antarabangsa yang melibatkan hal ehwal perkastaman.

Selain menguruskan sesi sidang media dan mengeluarkan hebahan kepada pihak media, Bahagian Perancangan Korporat JKDM turut berperanan dalam memberi penerangan kepada masyarakat dan pihak swasta mengenai fungsi, perkhidmatan, peraturan, perundangan dan maklumat terkini JKDM melalui pelbagai saluran termasuklah media baharu, ceramah, pameran dan penerbitan. Bahagian ini juga bertindak sebagai pusat serantau bagi pengaduan awam khususnya melalui pertanyaan dan aduan serta memberikan maklum balas kepada orang ramai. Bahagian Perancangan Korporat turut berfungsi sebagai urus setia bagi Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta dan Mesyuarat Pengarah-Pengarah Kastam Se-Malaysia, selain mengurus dan menyelaraskan teguran-teguran yang dikeluarkan oleh Audit Negara.



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA

*B*ertanggungjawab ke atas urusan pentadbiran Ibu Pejabat dan negeri, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia (KPSM) merupakan antara bahagian yang signifikan dalam melancarkan perjalanan operasi dan perkhidmatan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Diletakkan di bawah kepimpinan Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan) serta dibantu oleh seorang Pengarah, Bahagian KPSM bertanggungjawab ke atas hal ehwal perkhidmatan dan latihan kakitangan JKDM, selain mengemaskini data perjawatan pegawai dan memproses penempatan atau pertukaran pegawai. Bahagian ini juga bertindak mengurus peperiksaan jabatan seperti Peperiksaan Perkhidmatan dan Peperiksaan KPSL serta mengemaskini data HRMIS.







Selain itu, Bahagian KPSM memainkan peranan penting dalam aspek pengambilan baharu, pengesahan jawatan, kenaikan pangkat, pemangkuan dan kemasukan dalam jawatan pencen. Mereka turut bertanggungjawab memproses baucar bayaran, menyemak penyata pemungut, pinjaman, bayaran gaji dan elaun, serta menguruskan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja bagi jabatan. Bahagian ini juga terlibat dalam menyelaras pelaksanaan kontrak-kontrak perolehan JKDM, di samping merancang serta memantau pelaksanaan projek-projek fizikal dan bukan fizikal JKDM. Mereka juga terbabit dalam menyediakan dan mengurus bajet tahunan jabatan termasuk mengawal perbelanjaan tahunan dan pembayaran jabatan serta bertindak menyemak keperluan tambahan bajet.

Tambahan lagi, Bahagian KPSM JKDM turut berfungsi mengurus aset alih dan aset hidup kerajaan dan memastikan aset-aset jabatan yang diperolehi dapat diselia dengan baik serta tidak disalahgunakan. Bahagian ini turut terlibat dalam menyelia urusan perolehan dan pengedaran barangan serta peralatan di Stor Pusat kepada Ibu Pejabat, negeri dan Pusat Tanggungjawab (PTJ). Mereka juga berperanan dalam menyelaras data kewangan serta menyediakan Penyata Kewangan JKDM, selain turut membuat naziran dan auditan tunai di PTJ serta melaksana dan menyelenggara sistem aplikasi bayaran dan terimaan.



**BAHAGIAN
CUKAI DALAM NEGERI**

Sebagai antara bahagian teras dalam Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Bahagian Cukai Dalam Negeri (CDN) memainkan peranan yang signifikan dalam menjalankan fungsi serta perkhidmatan JKDM. Bahagian ini berada di bawah pentadbiran Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Perkastaman & Cukai Dalam Negeri) serta dibantu oleh seorang Penolong Ketua Pengarah Kastam (Cukai Dalam Negeri). Antara peranan yang dilaksanakan oleh Bahagian CDN JKDM, termasuklah membuat kajian dasar percukaian dalam negeri dan mengawal pelaksanaan Cukai Jualan serta Cukai Perkhidmatan yang melibatkan pematuhan perundangan berkaitan bagi registran dan pengilang berdaftar. Bahagian ini juga bertindak memproses penyata dan pembayaran serta melaksanakan pengumpulan data untuk dianalisa bagi memaksimakan pungutan hasil negara.








Di samping itu, Bahagian CDN juga berfungsi untuk mengkaji isu-isu berkaitan kemudahan dan pengecualian serta memantau program verifikasi yang berkaitan dan menganalisa risiko industri dengan menyediakan petunjuk melalui penyata Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan. Bahagian CDN JKDM turut berperanan memproses permohonan berkaitan Ketetapan Kastam serta memantau hal dasar berkenaan pendaftaran, penyata, pembayaran dan isu-isu cukai yang berkaitan, selain terlibat dalam proses mengurus pindaan perundangan cukai dalam negeri berteraskan akta serta perundangan semasa.

Di peringkat negeri, Bahagian CDN berfungsi untuk melaksanakan verifikasi permohonan dan pembatalan pendaftaran, memproses pindaan maklumat pengilang dan registran, mengadakan lawatan ke premis serta menjalankan operasi penguatkuasaan pendaftaran. Selain itu, mereka juga terlibat dalam memberi fasilitasi berkaitan permohonan kemudahan, pengecualian atau pelupusan dibawah perundangan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan. Bahagian CDN Negeri juga berperanan membuat gesaan penyata dan bayaran, membuat profiling, menjalankan analisa hasil dan pengurusan risiko serta memastikan semua pengilang dan registran dapat menghantar penyata mengikut tempoh yang telah ditetapkan.



**BAHAGIAN
PENGUATKUASAAN**

*B*ahagian Penguatkuasaan merupakan sebuah bahagian utama dalam Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Bahagian ini dipimpin oleh Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan & Pematuhan) dan dibantu oleh seorang Penolong Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan) serta dua orang Pengarah Kastam bagi Cawangan Risikan dan Cawangan Siasatan. Selain berfungsi menjalankan operasi risikan ke atas anasir-anasir penyeludupan, Bahagian Penguatkuasaan JKDM turut terlibat dalam mencegah penyeludupan secara bersepadu melalui kaedah rondaan di darat dan laut serta mengadakan pemeriksaan jalan raya dan premis. Bahagian ini juga perlu membuat siasatan berkaitan sebarang laporan yang diterima.



Selain itu, Bahagian Penguatkuasaan JKDM turut bertindak melakukan operasi ke atas kawasan hitam dengan tujuan mematahkan rangkaian sindiket. Bahagian ini juga perlu menguruskan penyimpanan dan pelupusan barang rampasan secara efisien, di samping melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan yang melibatkan kesalahan-kesalahan seperti Hak Harta Intelek (IPR), Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001. Tambahan lagi, Bahagian Penguatkuasaan turut terlibat dalam menganjurkan kempen anti penyeludupan dan pameran yang berkaitan sebagai antara mekanisma dalam memberi kesedaran kepada masyarakat.

Pada tahun 2016, Jabatan Kastam Diraja Malaysia melalui Bahagian Penguatkuasaan telah menubuhkan Pasukan Tempur Operasi Medan Kastam atau ringkasannya COBRA. Pasukan ini digerakkan ke seluruh negara sebagai penggempur dan pelindung bagi Pegawai Operasi JKDM, terutama dalam menangani kes berprofil tinggi sekaligus berupaya mengurangkan risiko ancaman semasa operasi. Selain COBRA, Bahagian Penguatkuasaan JKDM turut dilengkapi dengan Unit Marin Kastam yang berfungsi sebagai pasukan barisan hadapan, khususnya di kawasan perairan tanah air.







**BAHAGIAN
PERKASTAMAN**

*B*ahagian Perkastaman, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merupakan sebuah bahagian teras jabatan. Dipimpin oleh Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Perkastaman & Cukai Dalam Negeri) dan dibantu oleh seorang Pengarah Kastam, Bahagian Perkastaman berfungsi melaksanakan dasar-dasar dan prosedur mengenai perindustrian, import, eksport dan kawalan sempadan seperti yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Bahagian ini juga bertindak mengkaji dasar yang berkaitan supaya prosedur perkastaman dapat dipermudahkan dan ditambahbaik ke arah perkhidmatan yang holistik dan berkesan selaras dengan keperluan perdagangan domestik dan antarabangsa.



Selain itu, Bahagian Perkastaman JKDM turut menjalinkan kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan serta organisasi antarabangsa termasuklah *World Customs Organization* (WCO), *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN), *World Trade Organization* (WTO) dan *Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC) serta *Free Trade Agreements* (FTA). Bahagian ini juga terlibat dalam memberi panduan kepada pelanggan serta anggota jabatan khususnya di barisan hadapan bagi melaksanakan dasar dan prosedur perkastaman dengan cekap dan telus selari dengan Visi. Misi serta Slogan keramat JKDM.

Di samping itu, Bahagian Perkastaman JKDM merupakan pihak yang menguruskan perundangan berkaitan dengan aktiviti pergudangan termasuklah menimbang permohonan baharu lesen Gudang Berlesen Awam, Depoh Pelepasan Dalam dan lesen Gudang Berlesen Persendirian. Bahagian ini juga melaksanakan penguatkuasaan Akta Harta Intelek dan menjalankan penambahbaikan sistem berkaitan dengan aktiviti import dan *transshipment*. Selain memproses permohonan lanjutan tempoh masa untuk kemudahan import sementara, mereka juga terlibat dalam proses permohonan mengimport dan memindah alat-alat kelengkapan operasi hulu petroleum serta pelupusan sisa. Bahagian Perkastaman turut menguruskan permohonan pemilikan, pindaan, memperbaharui lesen radas sinaran dan bahan radioaktif secara berkala.








BAHAGIAN PERKHIDMATAN TEKNIK

*B*ahagian Perkhidmatan Teknik atau lebih sinonim dengan panggilan PERTEK merupakan salah satu bahagian utama dalam Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Bahagian ini berada dibawah pentadbiran Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Perkastaman & Cukai Dalam Negeri) serta dibantu oleh seorang Pengarah Kastam. Bahagian PERTEK merupakan bahagian yang bertindak mengurus hal-hal berkaitan penilaian barangan import, eksport dan barangan pengilangan tempatan berdasarkan Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976 dan beberapa akta lain yang terlibat. Bahagian ini perlu menguruskan penilaian Kastam berdasarkan perjanjian *World Trade Organization* (WTO) serta memastikan pematuhan penilaian secara sukarela dalam kalangan komuniti pengimport.







Selain itu, mereka juga terlibat dalam mengemaskini serta menggubal perundangan dan turut sama terbabit dalam mengklasifikasikan barangan selaras dengan prinsip Sistem Berharmonis dan ASEAN *Harmonised Tariff Nomenclature* (AHTN) ke arah menzahirkan norma perkhidmatan yang cermat, kemas dan berakauntabiliti. Di samping itu, Bahagian Perkhidmatan Teknik turut terlibat dalam penyediaan unjuran dan laporan prestasi hasil JKDM serta menganalisa tren pungutan hasil Kastam dari semasa ke semasa berteraskan *Revenue Monitoring Solution* (RMS) dan paparan Sistem Maklumat Kastam (SMK). Mereka juga perlu menyediakan maklumat hasil kepada para pemegang taruh dan lain-lain agensi yang berkaitan.

Bahagian PERTEK turut sama berperanan memproses tuntutan pulangbalik serta pengeluaran waran peruntukan kecil kepada negeri untuk pelaksanaan pembayaran pulangbalik. Secara dasarnya, Bahagian ini menggunakan pendekatan pengurusan risiko terhadap pelepasan dagangan daripada kawalan Kastam ke arah meningkatkan pungutan hasil, memberi fasilitasi perdagangan dan meningkatkan pematuhan pedagang. Mereka juga menjalankan aktiviti penarafan risiko pelepasan dagangan dan kawalan Kastam dengan menggunakan Modul Selektiviti bagi mengenalpasti sasaran serta pemilihan laluan pelepasan ke atas semua konsaimen dagangan yang diimport. Bahagian PERTEK JKDM juga melaksanakan fungsi sebagai National Targetting Centre yang bertanggungjawab untuk mengenalpasti, menganalisa, menilai dan menentukan tahap risiko sesuatu konsaimen.



BAHAGIAN PENGURUSAN PEMATUHAN

*B*ertindak sebagai antara bahagian utama dalam Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Bahagian Pengurusan Pematuhan melaksanakan fungsi melalui kolaborasi dan kerjasama dengan bahagian-bahagian lain dalam JKDM bagi melicinkan tugas-tugas pungutan hasil, penguatkuasaan, penjenisan, penilaian, pengurusan risiko dan perundangan. Bahagian ini diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan & Pematuhan) serta dibantu oleh seorang Pengarah Kastam.



Antara peranan utama Bahagian Pengurusan Pematuhan adalah melaksanakan pengauditan bagi memastikan segala perundangan yang ditadbir oleh Kastam dipatuhi serta cukai yang diikrar dapat dibayar dengan betul dan tepat. Aktiviti pengauditan merupakan medium pengurusan pematuhan yang signifikan sebagai proses perancangan, penyusunan dan pengawalan untuk membangunkan strategi pengurusan pungutan hasil yang profesional, cekap dan berkesan, selaras dengan objektif bahagian. Selain itu, Bahagian Pengurusan Pematuhan juga terlibat dalam mempromosi pematuhan sendiri dan mendidik pembayar cukai untuk mengikrar dan membayar cukai mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Bahagian ini juga turut mempromosi pematuhan sukarela atau *voluntary compliance* kepada para pembayar cukai melalui kehadiran pegawai audit JKDM di lapangan.

Di peringkat negeri, Bahagian Pengurusan Pematuhan menjalankan pengauditan dan menyediakan laporan serta syor untuk tindakan. Mereka juga bertindak memberi khidmat nasihat dan meningkatkan kefahaman kepada para pembayar cukai berkaitan peranan dan tanggungjawab seperti yang telah diperuntukkan dalam akta dan peraturan di bawah seliaan JKDM. Bahagian Pengurusan Pematuhan di peringkat negeri juga perlu meneliti setiap permohonan rayuan yang diterima daripada pihak yang diaudit sebelum dihantar ke Ibu Pejabat bagi tindakan selanjutnya.







ISTANA KEHAKIMAN



MAKLUMAT

**BAHAGIAN
PERUNDANGAN**

*B*ahagian Perundangan merupakan salah satu bahagian dalam Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang berpusat di Ibu Pejabat. Pada awal kewujudan, bahagian ini dianggotai oleh seorang Peguam Kanan Persekutuan dan seorang Timbalan Pendakwa Raya/Peguam Persekutuan dengan dibantu oleh beberapa kakitangan sokongan yang disediakan oleh pihak Pengurusan JKDM. Kini, Bahagian Perundangan JKDM berada di bawah seliaan terus Ketua Pengarah Kastam Malaysia dan dibantu oleh seorang Pengarah. Pegawai yang ditempatkan di bahagian ini menggalas jawatan Kader Undang-Undang, yakni Timbalan Pendakwa Raya yang diserapkan dari Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara. Asas kewujudan Bahagian Perundangan JKDM adalah untuk menjalankan pendakwaan kes Kastam termasuklah kes di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 yang disiasat oleh Pegawai Kastam.



Saban tahun, peranan Bahagian Perundangan juga berkembang iaitu daripada hanya menjalankan pendakwaan kes jenayah kepada turut terlibat sama dalam mengendalikan kes guaman sivil. Mereka juga bertindak sebagai penasihat dan penggubal kepada pindaan undang-undang dan peraturan-peraturan dibuat yang ada kaitan dengan semua akta yang dikuatkuasakan oleh JKDM. Antara fungsi Bahagian Perundangan JKDM termasuklah mengendalikan kes perbicaraan, rayuan semakan kehakiman dan semakan jenayah di mahkamah seluruh Malaysia termasuk Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Di samping itu, bahagian ini turut mengkaji kertas siasatan yang dikemukakan untuk perintah, nasihat atau izin bagi mendakwa.

Bahagian Perundangan juga bertindak meneliti kertas guaman sivil yang dikemukakan untuk tindakan memfailkan penyataan tuntutan, pembelaan, affidavit jawapan atau nasihat dan tindakan di mahkamah. Mereka turut terlibat dalam menyemak perjanjian diantara JKDM dengan pihak swasta tempatan serta perjanjian yang melibatkan JKDM mewakili Malaysia di peringkat antarabangsa. Bahagian ini juga memainkan peranan yang signifikan dalam memberi nasihat dan ceramah perundangan kepada pegawai-pegawai Kastam dan bahagian lain dalam JKDM. Selain itu, Bahagian Perundangan JKDM juga perlu menelaah semua keputusan mahkamah yang melibatkan sivil atau jenayah bagi memacu tindakan sama ada hendak membuat rayuan terhadap keputusan yang dibuat ataupun sebaliknya.





*B*ahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), telah dinaiktaraf daripada Cawangan Teknologi Maklumat pada tanggal 10 Julai 2014. Bahagian ini berada di bawah pentadbiran Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan) dan dibantu oleh seorang Pengarah. Objektif dan tujuan utama penubuhan Bahagian Teknologi Maklumat JKDM ini adalah bagi mempertingkatkan kecekapan pengurusan maklumat jabatan melalui pelaksanaan sistem ICT yang cekap dan berkesan seterusnya menyokong peranan dan fungsi jabatan.



Bahagian Teknologi Maklumat juga merupakan bahagian yang bertindak mengurus perkhidmatan dan prasarana ICT JKDM bagi memenuhi garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan serta memenuhi kepuasan pelanggan. Selain itu, bahagian ini juga turut terlibat dalam merancang, membangun, melaksana dan menyelenggara program ICT selaras dengan Pelan Strategik Jabatan yang telah dikeluarkan.

Disamping itu, Bahagian Teknologi Maklumat juga berfungsi dalam mengurus, menyelaraskan dan menyelenggara kemudahan infrastruktur ICT JKDM secara efektif dan selamat. Mereka turut terbabit bagi memantau dan menilai keberkesanan projek-projek ICT dalam menyokong fungsi-fungsi operasi dan pengurusan jabatan. Bahagian Teknologi Maklumat turut bertindak memberi khidmat nasihat, bantuan teknikal dan latihan serta pembudayaan ICT secara berterusan.





210



PEJABAT KETUA PESURUHJAYA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA



**CAWANGAN
INTEGRITI**

Cawangan Integriti, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah ditubuhkan selaras dengan saranan 'Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013; Penubuhan Unit Integriti Di Semua Agensi Awam', yang berkuatkuasa pada 01 Ogos 2013. Cawangan ini ditadbir oleh seorang Ketua Cawangan dan diletak secara terus di bawah pemantauan Ketua Pengarah Kastam Malaysia.



Selain bertindak sebagai sebuah unit khas yang bertanggungjawab ke atas pengurusan integriti di JKDM, Cawangan Integriti juga berperanan melaksanakan enam fungsi teras, termasuklah; Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan, Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi, serta Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab.

Cawangan Integriti JKDM juga turut berfungsi; Menerima dan mengambil tindakan ke atas aduan / maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi, Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa,sertayangkeenam,Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib.





“

**SAYA CUKUP YAKIN YANG
PEGAWAI-PEGAWAI
KASTAM AKAN TERUS
MENJALANKAN
TUGAS MEREKA DENGAN
SEMPURNA. DARI ITU
SAYA RASA SANGATLAH
MUNASABAH JABATAN
KASTAM DAN EKSAIS
MALAYSIA
DIANUGERAHKAN
GELARAN; KASTAM DAN
EKSAIS DIRAJA.**

Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra,
Perdana Menteri Malaysia Pertama





LENSA
JKDM



JKDM IBU PEJABAT





JKDM Perlis



JKDM Perak



JKDM Zon Tengah Unit I
(WP Kuala Lumpur)



JKDM Kedah



JKDM Zon Tengah Unit III
(LTA Kuala Lumpur)



JKDM Zon Tengah Unit II
(Selangor)

JKDM Zon Tengah Unit II
(Selangor)



JKDM Sarawak



JKDM Melaka



JKDM Johor



JKDM Negeri Sembilan



JKDM Kelantan



AKMAL



JKDM Pulau Pinang



JKDM Sabah



JKDM Terengganu



JKDM WP Labuan



JKDM Pahang



JKDM PCKP Singapura



Redaksi

EDITOR

SABARIAH MD YUSOF



EDITOR

AISAH ANDI BAMBANG



EDITOR

MUHAMMAD
SYAHMI RIDZUAN



MEDIA & EDARAN

RUDY JANIN



KETUA EDITOR

MOHD HISHAM
MOHD NOR



EDITOR

MOHD IMRAN KAMIL
NADZAHARUDDIN



EDITOR

SOFIA HANUM
HAMDAN



MEDIA & EDARAN

FARAH FATIHAH
JAMALUDIN



MEDIA & EDARAN

AL-ANAQ QUR'ZHAM
RAMLY



**TIMBALAN
KETUA EDITOR**
FATIHAHTUL AHMAD
ABDUL MUTTHALIB



EDITOR
MUHAMMAD AR MASZIZI
ABD AZIZ



EDITOR
MUHAMMAD SYAZANI
ZULKIFLI



MEDIA & EDARAN
HAMIDAH
ABDUL HAMID



MEDIA & EDARAN
SALMAWATI
SALIH HUDDIN



EDITOR
ELANGKUMARAN
THARMALINGAM



EDITOR
SAFIRA NATASHA
AHMAD SHAH



EDITOR
ZARIWATI
ABD RAZAK



MEDIA & EDARAN
SUHALIZA
MOHD MOKHTAR



MEDIA & EDARAN
MOHD DANIAL FAIQ
SUHAIMI



Autograf



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA



www.customs.gov.my



cpa@customs.gov.my



03-8882 2100/2300



Jabatan Kastam Diraja Malaysia



[kastam.malaysia.official](https://www.instagram.com/kastam.malaysia.official)



[KastamMalaysia](https://twitter.com/KastamMalaysia)

ISBN 978-967-86-0986-9



9 789678 609869